

## PAHANG

### **ENAKMEN No. 2 tahun 2001**

Satu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalan Kerbau-Lembu dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

**DIPERBUAT** undang-undang oleh Badan Berkanun Perundangan Negeri Pahang seperti berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kawalan Kerbau –Lembu 2001.
- (2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-
  - “Datuk Bandar” mempunyai erti yang sama dengan yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];
  - “jalan” ertinya mana-mana jalan Persekutuan, jalan Negeri dan jalan pihak berkuasa tempatan dalam Negeri Pahang;
  - “kandang kerbau-lembu” ertinya mana-mana bangunan atau sebahagian daripada bangunan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan sebagai tempat memelihara atau menyimpan kerbau-lembu;
  - “Kawasan Larangan” ertinya permukaan jalan, kawasan dalam lingkungan dua puluh meter dari bahu jalan atau semua tempat awam;
  - “kerbau-lembu” ertinya lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan kuda tidak kira umur, jantina atau jenisnya;
  - “Ketua Polis Daerah” ertinya mana-mana pegawai polis yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara sebagai pegawai yang mengawal sesuatu daerah polis di bawah seksyen 6(b) Akta Polis 1967 [*Akta 344*];
  - “paun awam” ertinya mana-mana ladang ternakan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang, rumah penyembelihan atau mana-mana tempat lain yang diisytiharkan oleh Menteri Besar sebagai paun awam di bawah seksyen 14;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh pihak berkuasa berkenaan bagi maksud Enakmen ini;

“Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri” mempunyai erti yang sama dengan yang diberikan kepadanya dalam Ordinan Binatang 1953 [*No. 17 tahun 1953*];

“Pihak berkuasa berkenaan” ertinya Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri, Ketua Polis Daerah, Datuk Bandar dan Yang Dipertua sesuatu pihak berkuasa tempatan;

“pihak berkuasa tempatan” ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, mengikut mana-mana yang berkenaan, di dalam Negeri Pahang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan kerajaan tempatan;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman atau medan rekreasi dan bersuka-suka, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhaskan atau di peruntukan bagi kegunaan orang ramai pada bila-bila masa dan termasuklah mana-mana tempat beribadat semua agama, balai raya, kawasan perumahan, perhentian bas dan teksi, tapak pasar tani, dan tempat tarikan pelancongan;

“Yang Dipertua” mempunyai erti yang sama dengan yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

### **Kawasan Larangan**

**3.** Bagi maksud mencegah kacau ganggu awam atau memelihara kesihatan dan keselamatan awam, adalah ditetapkan bahawa:-

- (a). permukaan jalan;
- (b). Kawasan dalam lingkungan dua puluh meter dari bahu jalan; dan
- (c). semua tempat awam,

hendaklah menjadi Kawasan Larangan bagi kerbau-lembu atau bagi mana-mana kategori, kelas atau jenis kerbau-lembu.

### **Kerbau-lembu dilarang berada, dipelihara, disimpan, dialih atau dipindahkan dalam Kawasan Larangan**

**4.** (1) Tiada satu pun kerbau-lembu boleh berada, dipelihara, disimpan, dialih atau dipindahkan dalam Kawasan Larangan.

(2) Mana-mana kerbau-lembu yang didapati berada, dipelihara, disimpan, dialih atau dipindahkan dalam Kawasan Larangan boleh ditangkap mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa berkenaan atau pegawai diberikuasa tanpa memberi apa-apa notis.

(3) Kerbau-lembu yang ditangkap di bawah subseksyen (2) hendaklah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri untuk ditahan selama tempoh tidak melebihi empat belas hari di paun awam yang difikirkan sesuai oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri.

(4) Jika dalam tempoh empat belas hari itu terdapat tuntutan terhadap kerbau-lembu yang ditahan, pihak berkuasa berkenaan hendaklah mempastikan orang yang menuntut sebenarnya tuan punya kerbau-lembu itu dan, tertakluk kepada seksyen 5, hendaklah menyerahkan kembali kerbau-lembu itu kepada orang yang menuntut setelah kompaun dibayar atau setelah prosiding undang-undang selesai.

(5) Jika terdapat lebih daripada seorang yang menuntut kerbau-lembu yang ditahan itu, pihak berkuasa berkenaan hendaklah, selepas membuat penyiasatan yang perlu, menentukan orang yang berhak kepada kerbau-lembu itu.

(6) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan pihak berkuasa berkenaan dibawah subseksyen (5) boleh merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sepuluh hari dari tarikh keputusan pihak berkuasa berkenaan diberitahu kepadanya, dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.

(7) Jika dalam tempoh empat belas hari itu tiada tuntutan terhadap kerbau-lembu yang dibuat oleh mana-mana orang, Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri hendaklah setelah tamat tempoh empat belas hari itu melupuskan kerbau-lembu itu sama ada dengan cara dijual hidup, disembelih atau mengikut sebagaimana yang difikirkan wajar olehnya.

(8) Jika kerbau-lembu itu dipelihara atau disimpan di kandang kerbau-lembu, pihak berkuasa berkenaan atau pegawai yang diberi kuasa boleh merobohkan kandang kerbau-lembu itu, melainkan tuan punya kandang kerbau-lembu itu memberi kesanggupan bertulis untuk merobohkan sendiri kandang kerbau-lembu itu dalam tempoh yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa berkenaan.

### **Tanggungjawab tuan punya**

**5.** Tuan punya kerbau-lembu yang ditahan di bawah seksyen 4 hendaklah menanggung segala perbelanjaan makanan, rawatan, penjagaan dan kos pengangkutan yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh tahanan kerbau-lembu itu yang mana hendaklah dijelaskan apabila kerbau-lembu itu dituntut.

## **Lelongan awam**

**6.** (1). Mana-mana kerbau-lembu yang dilupuskan di bawah seksyen 4 dengan cara disembelih atau dijual hidup hendaklah diuruskan secara lelongan awam di tempat yang difikirkan sesuai oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri berdasarkan kepada harga rizab yang difikirkan sesuai olehnya.

(2). Hasil lelongan itu hendaklah diserahkan kepada dan menjadi milik Kerajaan Negeri

## **Kuasa menangkap dan penyiasatan**

**7.** (1) Pihak berkuasa berkenaan atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh:-

(a). menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia ada sebab bagi mempercayai telah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, jika orang itu enggan memberikan nama dan alamatnya atau jika ada alasan munasabah bagi mempercayai bahawa orang itu telah memberikan suatu nama atau alamat palsu atau bahawa dia mungkin akan melarikan diri:

Dengan syarat bahawa apabila seseorang telah ditangkap seperti tersebut di atas, tindakan hendaklah kemudiannya diambil terhadapnya mengikut sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang berhubung dengan prosedur jenayah yang berkuat kuasa pada masa itu; dan

(b). mengambil apa-apa jua benda yang difikirkannya perlu diambil berhubung dengan keterangan yang perlu bagi membuktikan berlakunya sesuatu kesalahan itu

(2) Mana-mana pegawai diberi kuasa, berhubung dengan apa-apa penyiasatan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, tanpa perintah Pendakwa Raya, boleh menjalankan kuasa-kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis yang diberi oleh undang-undang berhubung dengan prosedur jenayah yang berkuat kuasa pada masa itu dalam apa-apa kesalahan boleh ditangkap.

## **Pendakwaan**

**8.** (1) Pihak berkuasa berkenaan atau mana-mana pegawai diberikuasa boleh diberikan kuasa oleh Pendakwa Raya untuk menjalankan pendakwaan di

mana-mana mahkamah berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya.

(2) Pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya tidak boleh dimulakan kecuali dengan sanksi bertulis Pendakwa Raya.

## **Kesalahan**

**9.** (1) Mana-mana orang yang bertanggungjawab ke atas kerbau-lembu yang didapati berada di Kawasan Larangan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang memelihara, menyimpan atau membenarkan pemeliharaan atau penyimpanan kerbau-lembu dalam Kawasan Larangan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang mengalih atau memindahkan kerbau-lembu atau membenarkan pengalihan atau pemindahan kerbau-lembu, dari, ke dalam atau di dalam Kawasan Larangan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa berkenaan, melainkan jika kerbau-lembu itu sedang di dalam perjalanan melalui Kawasan Larangan itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana orang yang menghalang atau menyekat atau membantu di dalam penghalangan atau penyekatan pihak berkuasa berkenaan atau mana-mana pegawai diberikuasa daripada menjalankan tugas atau kuasanya di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

## **Anggapan**

**10.** (1) Bagi maksud seksyen 9, mana-mana orang yang didapati berdekatan dengan mana-mana kerbau –lembu hendaklah, sehingga sebaliknya dibuktikan, dianggap sebagai bertanggungjawab ke atas kerbau-lembu itu atau

memelihara, menyimpan, atau membenarkan pemeliharaan atau penyimpanan kerbau-lembu itu, atau mengalih atau memindahkan kerbau-lembu itu atau membenarkan pengalihan atau pemindahan kerbau-lembu itu dari, ke dalam atau di dalam Kawasan Larangan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Anggapan di bawah subseksyen (1) tidak akan menjadi halangan terhadap pertuduhan dan penghukuman kepada tuan punya kerbau-lembu bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen 9.

### **Mengkompaun kesalahan**

**11.** (1) Kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini kecuali kesalahan di bawah subseksyen 9(4) boleh dikompaun oleh pihak berkuasa berkenaan.

(2) Dalam mengkompaun mana-mana kesalahan, pihak berkuasa berkenaan boleh membuat tawaran kepada pesalah untuk mengkompaun kesalahannya dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan yang mana hendaklah tidak melebihi empat belas hari dari tarikh tawaran.

(3) Amaun kompaun yang boleh dikenakan hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan yang mana tidak boleh melebihi lima ratus ringgit tiap-tiap seekor dan dalam hal kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan amaun kompaun tidak boleh melebihi satu ribu ringgit tiap-tiap seekor.

(4) Jika pesalah menerima tawaran mengkompaun dalam tempoh ditetapkan, pihak berkuasa berkenaan boleh mengkompaun kesalahan itu dan kemudian daripada itu tiada pendakwaan akan dimulakan.

(5) Tawaran untuk mengkompaun kesalahan adalah sebagaimana dalam Jadual Pertama.

(6) Penerimaan tawaran untuk mengkompaun kesalahan adalah sebagaimana dalam Jadual Kedua.

### **Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan**

**12.** (1) Jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, maka mana-mana orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu atau seseorang yang berupa sebagai bertindak atas mana-mana sifat sedemikian, atau mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau membantu dalam pengurusan sedemikian-

(a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajarnya dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu; dan

(b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan semua hal keadaan, dia membuktikan-

(i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinan atau pembiarannya; dan

(ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

(2) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

### **Perlindungan pegawai**

**13.** Tiada liabiliti yang boleh dikenakan ke atas pihak berkuasa berkenaan atau mana-mana pegawai yang diberikuasa berhubung dengan belanja, ganti rugi, kerosakan atau kecederaan akibat daripada atau berpunca daripada perjalanan secara sah kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya atau kewajipan-kewajipan yang dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan pihak berkuasa berkenaan atau pegawai diberikuasa itu tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan, tuntutan atau liabiliti berikutan daripada perjalanan secara sah kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya atau kewajipan-kewajipan yang dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

### **Paun Awam**

**14.** Menteri Besar boleh mengisytiharkan melalui pemberitahuan dalam *Warta* mana-mana ladang ternakan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri, rumah penyembelihan atau mana-mana tempat lain sebagai paun awam bagi maksud Enakmen ini.

## **Kaedah-kaedah**

**15.** Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* membuat kaedah-kaedah bagi pelaksanaan yang sewajarnya Enakmen ini.

## **Pemansuhan**

**16.** Enakmen Kawalan Kerbau-Lembu 1976 [*Enakmen No. 1 tahun 1976*] adalah dimansuhkan mulai dari tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini:

Dengan syarat bahawa apa-apa prosiding yang masih belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah diteruskan mengikut peruntukan-peruntukan yang terpakai bagi prosiding itu dalam Enakmen yang dimansuhkan.



PAHANG NO. 2 TAHUN 2001  
JADUAL PERTAMA  
ENAKMEN KAWALAN KERBAU-LEMBU 2001  
[ Subseksyen 11(5) ]

**TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN**

Kepada:

.....  
.....

\*Tuan/Puan

Rujukan : .....  
.....

Saya mendapati bahawa \*tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang yang berkaitan:

.....  
Tarikh: ..... Waktu: .....  
Tempat : .....  
Butir-butir kesalahan: .....  
.....

2. \*Tuan/puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberikan kepada saya oleh subseksyen 11(2) Enakmen Kawalan Kerbau-Lembu 2001, saya menawarkan untuk mengkompaun kesalahan ini dengan amaun sebanyak RM .....(..... ringgit).

Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat secara tunai dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan jurubank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada ..... . Pembayaran melalui pos hendaklah dialamatkan kepada ..... . Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran dibuat.

3. Tawaran ini luput pada ..... . Jika pembayaran penuh amaun yang dinyatakan di atas diterima dalam masa waktu pejabat pada atau sebelum tarikh luput, tiada prosiding selanjutnya akan diambil terhadap \*tuan/puan berkenaan dengan kesalahan itu. Jika tidak, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh : ..... .

*\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

JADUAL KEDUA

ENAKMEN KAWALAN KERBAU-LEMBU 2001

[Sbseksyen 11 (6)]

**PENERIMAAN TAWARAN UNTUK MENKOMPAN KESALAHAN**

Kepada : .....

Saya merujuk kepada tawaran untuk mengkompun kesalahan yang mempunyai rujukan ..... dan bertaikh ..... . Saya menerima tawaran itu dan menyertakan bersama-sama ini \* wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan jurubank/draf bank No: ..... berjumlah RM : ..... bagi penyelesaian sepenuhnya kompun itu.

Tandatangan : .....

Nama: .....  
(Huruf Besar)

Alamat : .....

.....

Bertarikh : .....

*\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada 6hb Ogos 2011

[SUK. Phg. (DN) 03/0177 Pt.5; PUN. Phg. 800.]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Pahang*